
BUKU ELEKTRONIK: ULASAN PERSURATAN TERHADAP KESEDARAN DAN PENGGUNAANNYA

Siti Ezaleila Mustafa
Universiti Malaya, Malaysia
ezaleila@um.edu.my

ABSTRACT

ELECTRONIC BOOK: LITERATURE REVIEW ON AWARENESS AND ITS USAGE

With the development of technology, digital publishing is gaining attention. After e-journals, e-books are now getting attention from key players in the book industry. From the library, e-books began to enter the mass market after the emergence of dedicated e-readers like the Kindle and Nook as well as free software like Adobe Reader, Microsoft Reader, and ePub. However, how well is e-book publishing known, or accepted in general? Based on an analysis of previous studies, it is clear that the existence of e-books is generally known, but its use is still low. In fact, many people do not realize that apart from purchases, e-books can be borrowed for use in most public and university libraries. Although e-books have advantages such as acquired mobility, space saving, and 24/7 access, problems in long on-screen reading is still the main reason print is the crowd's favourite. In addition, the choice of title in e-book form is still relatively low due to several obstacles that exist in the form of pricing and distribution, digital rights management, e-reader compatibility and others.

Keywords: digital books, e-readers, libraries, digital rights management, electronic publishing

PENGENALAN

Industri penerbitan sentiasa berubah selari dengan perkembangan teknologi. Daripada penghasilan dalam kuantiti yang sedikit menerusi tulisan tangan yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan bagi sesebuah judul, produk penerbitan kini dapat dihasilkan dengan mudah dalam masa yang lebih singkat. Malah, produk penerbitan kini berdepan

dengan revolusi baharu dengan perkembangan teknologi pendigitalan yang mengubah bentuk maklumat. Produk penerbitan tidak lagi hanya hadir dalam bentuk cetakan. Bagi Hoss (2010), platform penerbitan semakin berkembang maju dengan munculnya penerbitan digital, termasuk buku elektronik (e-buku) yang menjadi suatu norma. Ini kerana pembangunan maklumat dan teknologi rangkaian menyebabkan cara bacaan tradisional tidak lagi dapat memuaskan keperluan bacaan pembaca.

Austria, Itali, Poland, Slovenia, Sepanyol, dan Sweden mula memberi perhatian pada infrastruktur pengedaran e-buku manakala kumpulan penerbit besar sudah menerbitkan judul-judul baharu dalam e-buku selain bercetak. Di Asia Pasifik, Korea Selatan merupakan pasaran e-buku kedua terbesar selepas Jepun pada tahun 2011 dengan jualan e-buku pengguna meliputi 24.2 peratus daripada keseluruhan jualan buku pengguna. Tinjauan oleh Persatuan Penerbit Amerika dan Kumpulan Kajian Industri Buku menunjukkan bahawa syer e-buku di pasaran meningkat kepada 6.4 peratus pada tahun 2010 berbanding hanya 0.6 peratus pada tahun 2008 (Wischenbart 2011). Laporan media oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) menjangkakan bahawa e-buku akan membentuk 50 peratus pasaran buku dagang di Amerika Syarikat menjelang 2016.

DEFINISI BUKU ELEKTRONIK

Istilah e-buku mempunyai pelbagai definisi. Berdasarkan ulasan persuratan, definisi yang diberikan umumnya melihat e-buku dari aspek perkakasan, perisian, dan kandungannya; boleh juga dibahagikan kepada empat perspektif utama, iaitu kandungan atau format fail, media, peranti, dan cara penyampaian atau penghantaran. Ada yang melihat e-buku sebagai teks yang tersedia dalam format elektronik seperti dokumen Word, HTML dan XML (Ormes 2002; Hawkins 2000) manakala ada yang mengaitkannya dengan pertukaran daripada teks bercetak kepada bentuk digital bagi membolehkannya dibaca di atas skrin komputer atau alat mudah alih (Computer User 2002, Noorhidawati & Gibb 2008). Beberapa sarjana seperti Clister (1999) dan Lynch (2001) pula memberikan definisi dengan mengaitkannya dengan peranti atau kelengkapan membaca elektronik.

Definisi yang paling mudah merujuk e-buku sebagai versi digital buku yang diterbitkan (www.arl.org). Ini hampir sama dengan yang dimaksudkan oleh Norshuhada et al (2003) yang menyatakan bahawa "buku berkertas yang ditukarkan kepada format digital yang lazimnya melalui proses pendigitalan yang membolehkannya dipaparkan di skrin komputer, disebut sebagai e-buku." Ini merupakan definisi umum yang melihat kandungan e-buku cenderung merupakan penerbitan semula buku asal yang berasaskan cetakan kepada digital. Bagi Abbot dan Kelly (2004), walaupun e-buku mungkin hanya versi elektronik penerbitan bercetak, terdapat ciri-ciri lain yang unik pada medium digitalnya seperti keupayaan mengemaskinikan kandungan secara berterusan, bergabung dengan komponen multimedia dan interaktif, hipertautan pada laman web berkaitan, dan kemampuan carian yang canggih.

Adobe Systems (2001) pula mendefinisikan e-buku sebagai bahan bacaan digital yang dilihat pada komputer meja atau komputer riba atau peranti mudah alih dengan kapasiti penyimpanan yang besar dan kemampuan untuk memuat turun judul baharu melalui hubungan rangkaian. Bagi Connaway (2003), e-buku "mengemulakan karakteristik asas buku tradisional dalam format elektronik di samping memanfaatkan teknologi Internet bagi menjadikannya mudah dan berkesan untuk digunakan", malah membolehkannya dilihat pada pelbagai jenis monitor, alatan atau komputer peribadi. Namun, istilah tersebut juga

merangkumi multimedia, sistem hiperteks atau hipermedia serta diperluas bagi melibatkan judul-judul buku yang tersedia dalam talian, yang boleh dibaca sebagai e-mel, boleh diakses dengan peranti bacaan elektronik mudah alih atau fail yang boleh dimuat turun ke komputer (Carvajal 1999; Clister 1999; Allen 2000).

Oleh itu, definisi Roa (2003: 86-87) dilihat merangkumi semua yang diperkatakan, iaitu “teks dalam bentuk digital atau buku yang ditukarkan kepada bentuk digital, atau bahan bacaan digital atau buku dalam format fail komputer atau fail perkataan dan imej berelektronik yang dipaparkan pada komputer atau peranti mudah alih atau diformatkan untuk dipaparkan pada pembaca e-buku khusus.” Namun, Lynch (2003) merasakan bahawa adalah perlu bagi membezakan idea e-buku atau buku digital dengan perkakasan membaca buku (*book-reading appliance*). Bagi beliau, e-buku merupakan struktur besar koleksi bit yang boleh dipindahkan kepada CD-ROM atau media penyimpanan lain atau dihantar melalui talian rangkaian dan direka untuk dilihat pada beberapa perkakasan dan perisian dari terminal kepada pelayar web pada komputer peribadi kepada perkakasan membaca. Perkakasan membaca pula merupakan tambahan baharu kepada spektrum peranti yang boleh digunakan untuk melihat e-buku yang lazimnya melibatkan produk elektronik mudah alih.

Definisi-definisi berkenaan menunjukkan konsep e-buku tidak terhad pada satu medium sahaja. Oleh itu, Abbot dan Kelly (2004), Hawkins (2000), dan Crawford (2000) memberikan beberapa jenis e-buku. Hawkins (2000) membahagikannya pada empat jenis—*downloadable e-books*, *dedicated e-book readers*, *print-on-demand books*, dan *web-accessible e-books*—berdasarkan ketersediaan kandungan dan pengaksesannya. Crawford (2000) pula mengenal pasti sembilan jenis e-buku berdasarkan format proprietari, standard, bentuk sedia, kepanjangan kandungan dan akses, iaitu peranti e-buku proprietari, e-buku terbuka, e-buku domain terbuka/ e-buku percuma, *pseudobooks*, *instabook*, *not quite a book*, penerbitan sendiri, e-buku sebelum web, dan buku lanjutan (*extended books*). Pengkategorian yang dilakukan oleh Abbot dan Kelly (2004) lebih ringkas, iaitu e-buku berperanti (*e-books on hand held devices*), dan e-buku dalam talian. Selain itu, e-buku boleh dicirikan pada cara ia dipaparkan atau dibaca: di komputer melalui rangkaian; komputer meja peribadi, komputer riba atau PDA; menggunakan perisian pembaca e-buku, pada peranti perkakasan khusus; dan menerusi Web (Noorhidawati & Gibb 2006).

KESEDARAN DAN PENGGUNAAN E-BUKU

Penyelidikan berkaitan e-buku mula mendapat perhatian pada tahun 2000-an dan kebanyakannya tertumpu pada pembangunan dan teknologi e-buku, kelebihan dan kekurangan formatnya, dan trend penggunaan e-buku (Connaway 2003, 2007; Mercieca 2004; Roa 2003; Hawkins 2000). Kebanyakan penyelidikan juga berfokus pada pelajar universiti (Hage 2005; Mazza 2008; Norshuhada et al 2003; Norshuhada & Gibb 2006) dan perpustakaan akademik (Rao 2005; Long 2003; Litmann & Connaway 2004; Bennet & Landoni 2005). Ini kerana pasaran perpustakaan akademik memperlihatkan lonjakan minat dalam perolehan e-buku, termasuk jurnal elektronik, sejak 10 tahun kebelakangan ini (Connaway 2007) disebabkan persekitaran elektronik yang berkembang dan keperluan sarjana yang beralih kepada maklumat dalam talian (Brown, Griffiths & Rascoff 2007).

E-buku dilihat menjadi semakin popular dalam kalangan penerbit, pustakawan, dan aggregator atau penjual dengan lahirnya beberapa inisiatif, termasuklah peranti pembaca e-buku seperti perkakasan e-buku, PDA, perisian e-buku di samping permintaan berasaskan

permintaan dan penyedia e-buku dalam talian (Connaway 2003). Antara model akses e-buku yang ada ialah model pelesenan sama ada pelesenan kekal mahupun langganan, e-dagang, telekomunikasi dan pembelian di kiosk. Namun, Snowhill (2001) berpendapat beberapa isu perlu diberi perhatian agar e-buku mendapat perhatian dalam persekitaran akademik dalam jangka panjang seperti kandungan, protokol dan piawai perisian dan perkakasan, pengurusan hak digital, pengaksesan, pengarkiban, privasi, harga dan pasaran serta penambahbaikan ciri-ciri e-buku yang ideal. Walaupun kajian Blummer (2006) menunjukkan perkhidmatan perpustakaan lebih berintegrasi dengan maklumat digital seperti artikel dan e-jurnal berbanding e-buku kerana beberapa halangan seperti kekurangan e-buku dan standard perkakasan, isi pengurusan hak digital dan juga keterbatasan pilihan penyampaian, integrasi e-buku ke dalam perpustakaan digital bagi Connaway (2003, t.t), Rao (2005), dan Palowski (2010) semakin banyak memandangkan kebanyakan pustakawan mengakui bahawa e-buku sebagai peluang yang ideal untuk memperbanyak koleksi di samping memperkaya pengalaman penyelidikan pengguna (www.springer.com). Di Amerika Syarikat, 76 peratus perpustakaan menawarkan pinjaman e-buku kepada penggunanya (www.ala.org).

Perpustakaan universiti di Australia adalah antara penerima e-buku pertama pada awal 2000-an manakala di Taiwan, TEBNET dibentuk pada tahun 2001 dan telah melengkapkan pembelian e-bukunya pada tahun 2002. Perpustakaan-perpustakaan di Malaysia mula menggunakan e-buku sebagai sebahagian koleksinya pada tahun 2002 dan antara universiti terawal yang menawarkan e-buku ialah Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Malaya, dan Universiti Sains Malaysia. Malah beberapa kolej dan universiti baharu juga mula mengadopsi perkhidmatan ini sejak tahun 2003 dan pada pertengahan tahun 2000-an, lebih banyak perpustakaan universiti mula membeli e-buku dengan lesen kekal (*perpetual license*) (Ooi 2010).

Penggunaan dan perolehan e-buku dilihat sebagai gelombang baharu bagi perpustakaan dan pusat maklumat selepas e-jurnal kerana kelebihan yang ditawarkan seperti tidak memerlukan rak penyimpanan, menarik perhatian imigran digital, dan efektif dari segi kos. Faktor signifikan yang turut membantu ialah pembangunan pesat dalam infrastruktur maklumat global, peningkatan jumlah kandungan dalam format digital, karakteristik superior penerbitan digital dan pembangunan teknologi yang membolehkan buku digital atau e-buku menjadi mudah dibawa seperti buku-buku bercetak (Roa 2005). Oleh sebab itu, banyak perpustakaan universiti menambah peruntukan mereka untuk memasukkan e-buku. Kenaikan kos buku bercetak dan potensi mempertautkan sumber multimedia dengan e-buku memberi impak besar pada penggunaannya di perpustakaan universiti dalam menyokong komunikasi ilmiah (Ching et al 2006). Oleh sebab itu, perpustakaan menjadi sumber yang lebih digemari bagi mendapatkan e-buku untuk kegunaan pekerjaan dan pengajian, tetapi pengguna umumnya cenderung mencari sumber lain untuk tujuan pembacaan masa senggang mereka (Rowlands et al 2007). Oleh sebab itu, kebanyakan e-buku yang digunakan adalah judul-judul yang diperoleh secara percuma berbanding e-buku yang dibeli (Anuradha & Usha 2006).

Dalam beberapa tinjauan yang dilakukan, kebanyakannya menunjukkan bahawa pengguna menyedari kewujudan e-buku dan biasa dengan istilah "e-buku" (Borchert et al. 2009; Nariani 2009; Rowlands et al. 2007; Noorhidawati & Gibbs 2006; Littman & Connaway 2004), tetapi terdapat ramai juga yang tidak sedar bahawa perpustakaan menyediakan perkhidmatan pinjaman e-buku atau adanya koleksi e-buku di perpustakaan mereka (Zickhur et al. 2012; eBrary 2007; Norshuhada & Gibbs 2006; Bennett & Landoni 2005). Oleh sebab

itu, beberapa kajian lepas menunjukkan penggunaan e-buku yang agak rendah (Roesnita & Zainab 2005; Bennett & Landoni 2005; Noorhidawati & Gibbs 2006; Anuradha & Usha 2006). Bagi Hannigan (2007) yang mengulas dapatan kajian yang dilakukan oleh Levine-Clark (2006), kesedaran pengguna terhadap ketersediaan e-buku yang hanya 60 peratus bukanlah tinggi, malah baginya jumlah berkenaan mungkin lebih sedikit memandangkan komen yang diberikan oleh responden menunjukkan terdapat kekeliruan dalam kalangan mereka antara e-buku dengan e-jurnal. Oleh sebab itu, banyak kajian yang mencadangkan agar perpustakaan atau pustakawan meningkatkan latihan dan promosi tentang ketersediaan koleksi e-buku yang terdapat di perpustakaan masing-masing di samping memperbaiki kemudahan pencarian e-buku (JISC 2009; Springer 2008; Nariani 2009; Anuradha & Usha 2006; Snowhill 2001). Pengguna perlu tahu bahawa perpustakaan menyediakan perkhidmatan e-buku dan di mana hendak mendapatkannya, malah bagi Ashcroff (2011) apa-apa cara bagi meningkatkan kesedaran perlu mencapai pengguna yang kurang berkemahiran teknikal.

Tinjauan yang dilakukan oleh Levine-Clark (2006) terhadap 2,067 responden yang terdiri daripada pelajar ijazah, pelajar lepasan ijazah, dan staf Universiti Denver menunjukkan 59.1 peratus daripada mereka sedar bahawa perpustakaan menyediakan akses kepada e-buku dan 51.3 peratus pernah menggunakannya. Malah, dalam kalangan staf fakulti yang menggunakannya dengan kerap sangat sedikit, iaitu 11.2 peratus yang biasanya disebabkan urusan pekerjaan. Fakulti kemanusiaan menunjukkan kesedaran yang lebih tinggi berbanding fakulti lain secara keseluruhannya, tetapi penggunaannya tidak terlalu berbeza, malah tahap kekerapan penggunaan e-buku oleh ahli fakulti adalah yang terendah kerana mereka lebih menyukai buku bercetak (Levine-Clark 2007). Namun, kajian oleh Carlock dan Perry (2008) yang menggunakan kumpulan fokus di Arizona State University pula mendapati fakulti sains dan kejuruteraan lebih gemar menggunakan e-buku berbanding fakulti kemanusiaan dan sains sosial dan ini berbeza dengan dapatan daripada kajian Wu dan Chen (2011) yang menunjukkan pelajar dari fakulti kemanusiaan di National Taiwan University sering menggunakan e-buku.

Kajian penggunaan koleksi e-buku di California State University terhadap projek Rintis E-Buku menyaksikan 94 peratus koleksinya digunakan manakala di Victoria University of Wellington, New Zealand juga menunjukkan kadar penggunaan yang besar, terutama bagi subjek perniagaan dan ekonomi serta komputer sains (Langston 2003). Ini hampir sama dengan dapatan kajian Borchert et al (2009), Dillon (2001), dan Langston (2003) yang menunjukkan pengaksesan dan penggunaan e-buku bagi subjek perniagaan dan ekonomi adalah antara yang tertinggi. Namun, di Hacettepe University Libraries, 74 peratus daripada 43,422 judul e-buku yang tersedia di pangkalan data Ebrary didapati tidak digunakan langsung dan penggunaan e-buku dilihat berkait rapat dengan disiplin pengajian di universiti berkenaan yang terkenal dengan sekolah perubatan dan pendidikannya. Oleh sebab itu, e-buku dari bahagian perubatan, pendidikan, bahasa dan kesusasteraan, dan sains mendapat permintaan yang banyak, tetapi masing-masing kurang daripada 40 peratus (Tonta, Al, Soydal 2010). Oleh sebab itu, model perolehan e-buku berorientasikan pengguna atau pelanggan (*patron-driven acquisition*) dilihat penting bagi memenuhi keperluan pengguna dan membina koleksi tempatan, malah memberikan petunjuk pada penerbit atau agregator buku (Fischer et al. 2012; HighWirePress 2009).

Menurut OverDrive (www.overdrive.com), sebuah pengedar kandungan digital global, 60 peratus pengguna mengakses koleksi e-buku di perpustakaan awam untuk mencari kandungan baharu berbanding mencari judul-judul khusus dan antara genre popular yang

dilihat ialah roman, fiksiyen, misteri dan suspens, fiksiyen sains, dan sejarah. Selain itu, kajian oleh Wu dan Chen (2011), Noorhidawati dan Gibb (2008), Rowlands et al. (2007), Springer (2007), dan Anuradha dan Usha (2006) mendapati bahawa kategori e-buku yang paling popular dibaca ialah buku teks, buku rujukan dan monograf dengan format yang paling popular ialah e-buku berasaskan komputer memandangkan format ini lazimnya percuma dan tersedia di perpustakaan dan boleh diakses juga menerusi Internet sedangkan e-buku berasaskan peranti e-buku memerlukan kos tambahan. Ini menyokong laporan yang dikeluarkan oleh HighWirePress (2009) yang mendapati majoriti pustakawan menyatakan bahawa pengguna lebih gemar e-buku dalam format PDF untuk tujuan pembacaan dan percetakan luar talian serta HTML untuk tujuan pembacaan dalam talian manakala hanya sedikit yang menyatakan pengguna menggemari e-buku yang memerlukan peranti pembaca e-buku atau peranti mudah alih lain.

Namun, dalam kajian kebangsaan yang dilakukan di Korea Selatan, pengguna muda, lebih berpendidikan dan berpendapatan tinggi cenderung menunjukkan kesedaran, minat, dan keinginan yang tinggi pada kegunaan peranti pembaca e-buku, malah analisis regresi menunjukkan bahawa dua pemboleh ubah utama, iaitu kecekapan diri dan keserasian produk menyumbang kepada ketiga-tiga pemboleh ubah itu (Jung et al 2011). Ini menyokong dapatan kajian oleh Ballhaus, ven der Donk dan Stokes (2010) terhadap 4000 responden di Amerika Syarikat, United Kingdom, Netherland, dan Jerman yang menyatakan bahawa umumnya e-buku dibeli oleh golongan muda, lelaki dewasa yang berpendidikan yang gemar membaca. Mereka didapati lebih menggemari format PDF untuk buku-buku *special interest* dan ePUB bagi pasaran massa. Namun, sama seperti dapatan kajian yang lain, kebanyakan responden sering menggunakan komputer untuk membaca e-buku, terutama untuk tujuan masa senggang atau hiburan.

Walau bagaimanapun, kajian oleh JISC (Joint Information Systems Committee (2009) menunjukkan hampir 65 peratus pelajar dan tenaga pengajar menggunakan e-buku sama ada dari perpustakaan, web terbuka, atau pembelian. Malah, hampir 50 peratus tenaga pengajar kerap mencadangkan judul-judul e-buku kepada pelajar mereka kerana sebab kemudahan akses dan keselesaan. Ini berbeza dengan kajian Nariani (2009) yang mendapati walaupun kebanyakannya menyedari ketersediaan e-buku di perpustakaan, hanya 20 peratus daripadanya menggalakkan penggunaannya kerana mereka tidak sedar tentang ketersediaan kandungan digital yang berkaitan subjek mereka dan ada yang menganggap perpustakaan tidak mempunyai e-buku yang mencukupi untuk subjek mereka. Kajian yang dijalankan oleh eBrary (2007, 2008) pula menunjukkan percanggahan maklum balas antara pelajar dengan pustakawan berkenaan sebab kekurangan penggunaan e-buku. Dapatan kajian menunjukkan bahawa alasan utama pelajar yang tidak pernah menggunakan e-buku ialah mereka tidak tahu di mana hendak mencarinya (57 peratus) manakala sebab utama yang diberikan oleh pustakawan ialah e-buku terlalu sukar dibaca (31.5 peratus).

Sama seperti dapatan yang diperoleh oleh Levine-Clark (2006), Nariani (2009), dan Wu dan Chen (2011), kajian JISC juga mendapati bahawa pengguna hanya menggunakan e-buku bagi mengutip atau mengumpulkan maklumat berbanding membaca kesemuanya. Mereka ini cenderung membaca bab atau artikel atau entri-entri tertentu berbanding keseluruhan e-buku. Kajian Nariani (2009) terhadap pelajar lepasan ijazah dan ahli fakulti beraliran sains di York University, Kanada mendapati hanya 22 peratus ahli fakulti dan 41.4 peratus pelajar meluangkan masa lebih 20 minit membaca beberapa bab atau kurang daripada satu bab e-buku. Kajian Roesnita dan Zainab (2005) terhadap pelajar Fakulti Sains Komputer

dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya pula mendapati mereka hanya meluangkan masa tiga hingga empat jam seminggu untuk mengakses e-buku. Ini kerana kebanyakannya menggunakan e-buku untuk tujuan pekerjaan, penyelidikan dan pengajian, hanya sedikit yang menggunakannya untuk tujuan masa lapang (Roesnita & Zainab 2005; Walton 2007; Springer 2008; JISC 2009, Wu & Chen 2011). Walaupun kajian Rowlands et al. (2007) juga menunjukkan penggunaan e-buku berkait rapat dengan tugas dan pengajian, mereka juga mendapati staf dan pelajar separuh masa di University College London cenderung membaca untuk aktiviti senggang.

Mereka lazimnya mencari kata kunci, menentukan ayat dan perenggan yang mengandungi kata kunci itu, kemudian baru membaca atau melihat halaman yang berkaitan. Oleh sebab itu, antara ciri atau fungsi yang sering digunakan oleh pengguna e-buku ialah carian kata kunci, salin dan tampal, cetak, dan muat turun manakala yang menggunakan fungsi *mark-up and highlighting* atau *annotation* hanya sedikit (Wu & Chen 2011; Rockinson-Szapkiw, Holder & Dunn 2011). Ini boleh dikaitkan dengan dapatan kajian oleh Brown (2001), Coyle (2003), Springer (2008), dan Gregory (2008) yang e-buku digunakan bukan untuk dibaca, tetapi untuk mencari maklumat yang relevan untuk tujuan penyelidikan. Begitu juga dapatan Noorhidawati dan Gibb (2008) yang menunjukkan bahawa sebab paling popular penggunaan e-buku, terutama dalam persekitaran akademik, adalah untuk “mencari kandungan yang relevan” berbanding pencarian fakta atau pembacaan lanjut (*extended reading*). Ini membantu perekaan ciri e-buku yang lebih baik kerana jika e-buku disasarkan untuk digunakan bagi tujuan rujukan, cirinya mungkin melibatkan pencarian praktikal dan semak seimbis (*browsing*) manakala jika direka untuk pembacaan lanjut, e-buku perlu dilengkapi dengan elemen yang membantu pembacaan di skrin seperti alatan navigasi dan reka letak yang baik.

E-BUKU ATAU BUKU BERCETAK?

Para guru memberi persepsi positif tentang penggunaan e-buku sebagai buku teks di dalam bilik darjah. Kajian di 14 buah sekolah rendah di daerah Kemaman, Terengganu menunjukkan mereka percaya bahawa e-buku mempunyai potensi sebagai alat pengajaran yang membantu mereka menyampaikan apa-apa yang diajar secara efektif dan bersesuaian dengan persekitaran pembelajaran masa kini. Namun, e-buku dikatakan tidak akan menggantikan buku bercetak dalam masa terdekat ini, dan digunakan untuk melengkapi atau sebagai tambahan kepada buku bercetak (Abd Mutalib et al, 2012). Malah, majoriti pustakawan dalam kajian Walton dan Reiner (2013) menyatakan bahawa buku bercetak tidak akan ke mana-mana dan menolak kemungkinan semua buku di perpustakaan akan ke arah elektronik.

Kajian terhadap pelajar universiti di utara Taiwan dalam program pembacaan e-buku menunjukkan maklum balas positif terhadap strategi dan impak pembelajaran. Mereka menyatakan e-buku berpotensi untuk menyuburkan dan meningkatkan motivasi serta tabiat membaca. Pelajar ini merasakan e-buku lebih tersedia, mudah alih dan mesra alam berbanding teks berasaskan cetakan walaupun terdapat kesulitan dalam membaca e-buku, terutama apabila melibatkan teks yang banyak (Huang, 2013). Walaupun penggunaan e-buku di dalam bilik darjah menunjukkan kebanyakan pelajar (75 peratus) suka menggunakan e-buku, hanya 41 peratus mahu menggunakannya di sekolah dan hanya 43 peratus yang lebih menyukai e-buku berbanding buku teks bercetak (Azelin et al. 2012).

Kajian oleh Rojeski (2012) pula mendapati tidak ada seorang pun responden yang menunjukkan kecenderungan yang kuat sama ada pada e-buku atau buku bercetak walaupun majoriti responden menyatakan ketersediaan teks secara elektronik untuk pembelajaran sangat penting atau agak penting manakala 33.3 peratus menyatakan tidak penting. Ini mungkin kerana pelajar merasakan bahawa e-buku belum lagi menjadi sesuatu yang berguna dan praktikal dalam pembelajaran akademik kerana keseronokan dalam proses membaca e-buku tidak begitu tinggi.

Walaupun ciri dan fungsi yang tersedia dalam perisian e-buku dilihat mudah untuk dipelajari dan digunakan, terdapat kebimbangan terhadap aspek teknologi yang lain seperti mencari dan memuatnurunkan e-buku, perkakasan dan proses membaca itu sendiri, dan ini memberi kesan secara negatifnya kepada pandangan mereka terhadap kebolegunaan, kegunaan dan kecenderungan menggunakan teknologi ini secara aktif (Lam et al., 2009). Malah, soal selidik oleh Smyth dan Carlin (2012) menunjukkan pelajar menyatakan keutamaan mereka adalah pada buku bercetak, tetapi ia bergantung pada keperluan pengajian atau pembelajaran.

Ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan Walton (2007), Ebrary (2008), dan Gregory (2008) yang mendapati buku bercetak masih menjadi pilihan utama sebagai sumber yang dipercayai. Walau bagaimanapun e-buku merupakan sumber maklumat kedua yang sering digunakan selepas Google dan enjin carian lain dalam kalangan pelajar, tetapi dalam kalangan pihak fakulti atau staf akademik penggunaan e-buku merupakan elemen keenam dalam senarai sumber mereka. Penggunaan laman web dan e-jurnal adalah yang tertinggi sebagai sumber maklumat bagi penyelidikan dan persediaan pengajaran (Ebrary, 2008). Walaupun buku bercetak lebih digemari, mereka bersedia menggunakan e-buku jika itu sahaja format yang ada (Gregory, 2008).

Orang ramai lebih menggemari buku bercetak untuk pembacaan lanjut manakala e-buku lebih banyak digunakan untuk tujuan rujukan kerana ramai yang berberpendapat e-buku lebih praktikal dalam mencari maklumat (Noorhidawati & Gibb 2008). Ini selari dengan dapatan kajian eBrary (2008) yang mendapati kebanyakannya lebih menggemari buku bercetak apabila membaca keseluruhan buku dan sumber elektronik digunakan untuk pencarian di dalam teks. Pengguna lebih memilih buku bercetak jika buku itu akan digunakan secara berterusan (Roesnita & Zainab 2005), malah mereka cenderung mencetak sesebuah bab e-buku, terutama yang berformat PDF kerana kesukaran membaca di skrin dan menimbulkan ketidakselesaan pada mata dalam tempoh yang panjang (Mercieca 2004). Dan ini merupakan salah satu sebab yang sering dinyatakan oleh pengguna yang tidak menggunakan e-buku atau yang lebih menggemari buku bercetak berbanding e-buku (Anuradha & Usha 2006; Walton 2007; Gregory 2008; Springer 2008; ebrary 2008; Wu & Chen 2011).

Umumnya, bagi Roesnita dan Zainab (2005), penggunaan e-buku ditentukan oleh beberapa keadaan termasuklah kompetensi teknologi pengguna, kognitif pengguna, tahap pengaksesan terhadap e-buku dan jenis fungsi atau kegunaan e-buku. Namun, kajian Shin (2011) menunjukkan bahawa gratifikasi dan pengesahan merupakan dua elemen pada keinginan atau niat penggunaan e-buku. Keperluan pada kandungan berkualiti dan perkhidmatan yang baik pada pengguna e-buku dibangkitkan oleh responden. Ini juga yang ditekankan oleh pustakawan dalam kajian Walton dan Reiner (2013) yang menunjukkan kualiti serta kos sebagai faktor utama dalam perolehan bahan di perpustakaan.

Berdasarkan temu bual dan kaji selidik terhadap responden atau informan yang terdiri daripada pustakawan, staf akademik dan pelajar dalam kajian-kajian lepas, penggunaan e-buku dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor individu seperti lebih menggemari buku bercetak, kekurangan pengetahuan tentang penggunaannya atau keyakinan dengannya (Roesnita & Zainab 2005; Anuradha & Usha 2006; HireWire Press 2009, Zickuhr 2012; eBrary 2008), dan tiada keperluan (Gregory 2008); masalah teknologi seperti memerlukan perisian tertentu, antara muka yang tidak mesra pengguna, kos peranti e-pembaca, kesukaran mencatat dan menandakan bahagian penting, kekurangan keserasian antara sumber atau platform yang berbeza dan sukar dibawa ke mana-mana (Roesnita & Zainab 2005; Anuradha & Usha 2006; Walton 2007; Gregory 2008); faktor ketersediaan seperti kekurangan judul e-buku atau ketiadaan judul yang diinginkan dalam bentuk e-buku (Anuradha & Usha 2006; Gregory 2008; Zickuhr 2012); dan faktor pengurusan hak digital yang membataskan perkongsian e-buku dengan orang lain (HighWire Press 2009; Tan & Shereen 2011). Selain itu, ada beberapa ciri e-buku yang tidak digemari oleh pengguna seperti perubahan teknologi yang kerap, kepelbagaian peranti yang ada, dan adanya nama pengguna dan kata kunci (Anuradha & Usha 2006; Ballhaus, van der, Donk & Stokes 2010).

Namun, e-buku menawarkan beberapa kelebihan bagi pengguna seperti harga yang lebih rendah, mobiliti, penjimatan ruang, keselesaan atau kemudahan mencari dan mengimbas maklumat, pengaksesan segera, mudah untuk disimpan dan dicetak, mesra persekitaran, konsentrasi, dan memudahkan pengurusan bibliografik (Anuradha & Usha 2006; Noorhidawati & Gibb 2008; Springer 2008; eBrary 2008; Gregory 2008; Ballhaus, van der Donk & Stokes 2010; Wu & Chen 2011; Rockinson-Szapkiw, Holder, & Dunn 2011). Malah, antara ciri e-buku yang menarik perhatian pengguna ialah kebolehan menanda halaman, elemen multimedia, kemampuan menguruskan koleksi peribadi, dan kemampuan untuk mengubah rupa dan reka letaknya (Anuradha & Usha 2006; Roesnita & Zainab 2005). Oleh sebab itu, beberapa ciri dilihat agak penting pada e-buku: pencarian, akses pada bila-bila masa, pengaksesan di luar kampus, pengaksesan oleh pelbagai pengguna, dan kemampuan memuatnurunkan ke komputer riba (eBrary 2008). Selain itu, kajian HighWire Press (2009) menunjukkan bahawa keputusan membeli e-buku oleh pustakawan dilakukan berdasarkan beberapa ciri seperti mudah digunakan, ketersediaan metadata, integrasi dengan OPAC, dan perkhidmatan personalisasi pengguna.

Bagi pakar industri penerbitan, dua aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam mengembangkan pasaran e-buku kepada pasaran massa ialah alatan atau peranti yang menarik dan ketersediaan kandungan. Namun begitu, mereka berbeza pendapat berkaitan keperluan mengubah sistem terbuka kepada yang menghadkan penggunaan e-buku dan keperluan pada kandungan tambahan dan pengemaskinian maklumat serta penentuan harga e-buku menurut Ballhaus, van der Donk dan Stokes (2010). Penerbit juga mahu hak cipta mereka dilindungi dan bimbang bahawa e-buku akan menjadi mangsa cetak rompak seperti yang berlaku dalam industri filem dan muzik. Malah kebanyakan pustakawan bersetuju walau siapa pun pembekal kandungannya, hak pengurusan digital akan menjadi antara faktor dalam proses pembuatan keputusan berkaitan perolehan perpustakaan (Walton & Reiner, 2013).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan terhadap kajian lepas yang dilakukan oleh pelbagai pihak sama ada sarjana mahupun industri, jelas bahawa e-buku walaupun disedari kehadirannya, penggunaannya masih belum meluas. Pada awal tahun 2000-an, e-buku lebih banyak mendapat perhatian pustakawan dan perpustakaan sebagai sebahagian koleksi mereka dan kebanyakannya didigitalisasikan daripada format bercetak kepada format PDF, LIT, dan HTML untuk memudahkan pembacaan di skrin. Oleh sebab itu, kebanyakan dapatan kajian menunjukkan bahawa e-buku lebih banyak “digunakan” sebagai bahan penyelidikan, bukannya sebagai bahan untuk “dibaca” kerana e-buku hanya disemak imbas bagi mencari kandungan yang relevan dengan kajian mereka dan tidak ramai yang membaca dari halaman ke halaman untuk sesebuah e-buku. Ini disebabkan kesukaran membaca di skrin dalam tempoh masa yang lama.

Menyedari kelemahan ini, e-buku kini bukan hanya boleh digunakan atau dibaca menerusi komputer, malah dengan adanya peranti pembaca elektronik (*e-readers*) seperti Kindle dan Nook yang mesra pengguna yang menyediakan penyampaian kandungan yang mudah dan segera melalui wayarles mudah alih, pasaran e-buku mula menyasarkan pasaran massa. Malah perkembangan pasaran e-buku didorong dengan kehadiran peranti pelbagai fungsi seperti iPad dan komputer tablet. Dengan pembangunan teknologi dan kecanggihan peranti pembaca yang menawarkan pengalaman yang hampir sama dengan membaca buku bercetak, penerimaan e-buku di luar Amerika Syarikat dijangka memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan. Oleh sebab itu, beberapa faktor pendorong dalam penerimaan teknologi baharu ini perlu diambil kira: kualiti, penyerapan kognitif, tanggapan kegunaan, tanggapan mudah digunakan, tanggapan keseronokan, tahap harga, dan niat untuk menggunakan e-buku (Weniger & Loebbecke, 2010).

Kajian oleh Bowker (2012) yang menunjukkan Australia, India, United Kingdom, dan Amerika Syarikat merupakan peneraju dari segi penerimaan e-buku dengan lebih daripada 20 peratus responden melaporkan mereka membeli e-buku dalam tempoh enam bulan sebelum kajian dilakukan. Lebih 50 peratus responden di India dan Brazil menyatakan mereka berkemungkinan akan membeli e-buku dalam tempoh enam bulan akan datang manakala kira-kira satu per tiga responden di United Kingdom dan Amerika Syarikat mempunyai perancangan untuk membeli e-buku berbanding satu per lima di Perancis dan satu per tujuh di Jepun.

Bagi Walton (2007), penggunaan e-buku masih di peringkat inovator dan majoriti awal jika dilihat dari segi teori Difusi Inovasi. Maka, e-buku sebenarnya dilihat masih baharu dan pasarannya masih belum matang. Oleh sebab itu, penerbit—selain di Amerika Syarikat dan United Kingdom—menunjukkan reaksi yang pelbagai. Malah menurut laporan Ballhaus, van der Donk dan Stokes (2010), penerbit di Eropah melihatnya lebih kepada risiko berbanding peluang yang perlu direbut. Dari segi pengguna pula, masih ramai yang menggemari buku bercetak kerana menawarkan pilihan yang lebih banyak dan keselesaan dari segi pembacaan. Oleh sebab itu, beberapa kelemahan dan halangan pada e-buku dilihat lebih wajar diatasi terlebih dahulu agar e-buku diterima dan digunakan oleh ramai orang sebagai melengkapi buku bercetak.

RUJUKAN

- Abbot, W. & K. Kelly. 2004. Sooner or later! have e-boos turned the page. VALA. www.vala.org.au/vala2004/2004pdfs/46AbbKel.PDF
- Abdul Mutalib Embong et al. 2012. Teachers' perceptions on the use of e-books as textbooks in the classroom. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 70: 580-586. Diperoleh dari, <http://www.waset.org/journals/waset/v70/v70-110.pdf>.
- Allen, M. 2000. E-Publishing FAQ. Writing-World.com www.writing-world.com/epublish/FAQ.html
- Anuradha, K.T. & Usha, H. S. 2006. Use of e-books in academic and research environment: a case study from the Indian Institute of Science. *Electronic library and information systems*, 40(1), h. 48-62.
- Ashcroft, L. 2011. Ebooks in libraries: an overview of the current situation. *Library Management*. 32 6/7):398 – 407.
- Azelin Mohamed Noor et al. 2012. E-books in Malaysian primary schools: the Terengganu chapter. *World academy of science, engineering and technology* 66: 298-301.
- Ballhaus, W., M. van der Donk & P. Stokes. 2010. Turning the pages: the future of ebooks. *Technology, Media & Telecommunications*, PWC. Diperoleh dari, http://www.pwc.com/en_GX/gx/entertainment-media/pdf/eBooks-Trends-Developments.pdf.
- Bennett, L. & M. Landoni. 2005. E-books in academic libraries. *The Electronic Library* 23 (1): 9-16
- Blummer, B. 2006. E-books revisited: the adoption of electronic books by special, academic, and public libraries. *Internet Quarterly Review*. 11 (2) 1-13.
- Borchert, M. et al. 2009. A study on student and staff awareness, acceptance and usage of e-books at two Queensland universities. Dlm. *14th ALIA Information Online Conference & Exhibition*. Sydney, Australia: Australian Library and Information Association.
- Bowler, R. R. 2012. Consumer attitudes toward e-book reading. Book Industry Study Group. <http://assets.en.oreilly.com/1/event/73/Consumer%20Attitudes%20Toward%20E-Book%20Reading%20Paper.pdf>
- Brown, G. J. 2001. Beyond print: reading digitally. *Library Hi Tech* 19 (4): 390–99.
- Brown, D. J. & R. Boulderstone. 2008. *The impact of electronic publishing: the future for publishers and librarians*. Berlin: K.G. Saur Verlag Munchen.
- Brown, L., R. Griffiths & M. Rascoff. 2007. University publishing in a digital age. [Online] *Journal of Electronic Publishing*. 10 (3) Doi: dx.doi.org/10.3998/3336451.0010.301
- Burrirt, K. A. 2010. E-books: revolutionizing book culture. M.A. Thesis, Faculty of the Graduate School of Arts and Sciences, Georgetown University.
- Bush, V. 1945. As we may think. *The Atlantic Monthly*. July. Diperoleh dari, www.theatlantic.com/doc/194507/bush.
- Carlock, D. M. & A. M. Perry. 2008. Exploring faculty experiences with e-books: a focus group. *Library Hi Tech*, 26 (2): 244 – 254.
- Carvajal, D. 1999. Racing to convert books to bytes. *The New York Times*, 9 Disember.
- CIBER. 2009. Headline findings from the user surveys. JISC, November. Diperoleh dari, issuu.com/carenmilloy/docs/e-bookusersurvey?mode=embed&viewMode=presentation&layout=http%3A%2F%2Fskin.issuu.com%2Fv%2Fflight%2Flayout.xml&showFlipBtn=true

- Clister, J. 1999. Electronic Books. Conference on Human Factors in Computing Systems, CHI99 Workshop: Designing Electronic Books (ACM). www.fxpal.com/ConferencesWorkshops/chi99deb/submissions/clister.htm
- Connaway, L. S. & H. L. Wicht. 2007. What happened to the e-book revolution? the gradual integration of e-books into academic libraries. [Online] *Journal of Electronic Publishing*. 10 (3). Doi: dx.doi.org/10.3998/3336451.0010.302
- Connaway, L. S. 2003. Electronic books (ebooks): current trends and future direction. *DESIDOC Bulletin of Information Technology*, 23 (1) 13-18.
- Connaway, L. t.t. Te emerging role of ebooks. Association of Research Library. Diakses dari, <http://www.arl.org/resources/pubs/mmproceedings/136connaway>
- Coyle, K. 2003. E-books: it's about evolution, not revolution— Karen Coyle assesses both the e-book industry and library e-book experiments. *Library Journal* 128 (17): 8–13.
- Crowford, W. 2000. Nine models, one name: untangling the e-book muddle. *American Libraries*, Jil. 31, Bil. 8, h. 56-59.
- El-Naggar, R.M.Y. 2000. The impact of information technology development on the publishing industry: a strategic analysis of the Egyptian Case. Tesis Sarjana Pentadbiran Perniagaan. Maastricht School of Management, Netherlands.
- English, S. 2012. The psychology of fair pricing: the ebook perception. *Reader's Entertainment*. Mei. Diperoleh dari <http://www.readersentertainment.com/blog/2012/the-psychology-of-fair-pricing-the-ebook-perception/>
- Fisher, K.S. et al 2012. Give 'em what they want: a one-year study of unmediated patron-driven acquisition of e-books. *College & Research Libraries*, 73 (5): 469-492.
- Ferguson, C. 2006 Technology left behind — ebook rollout. Against the Grain, November. Diperoleh dari, <http://www.against-the-grain.com/TOCFiles/ebookrollout.pdf>.
- Galbraith, J. 2010. E-book on the Internet. Dlm. S. Polanka, *No shelf required: e-book in libraries*, (h. 1-18). Chicago: American Library Association Editions.
- Gregory, C. L. 2006. "But I want a real book": an investigation of undergraduates' usage and attitudes toward electronic books. *Reference & User Services Quarterly*, 47 (3): 266-273.
- Hage, E. V. 2005. E-book technology: the relationship between self-efficacy and usage levels across gender and age. PhD Dissertation, School of Business, Capella University.
- Hannigan, G. G. 2007. Users' awareness of electronic books is limited. *Evidence based Library and Information Practice*, 2: 2.
- Hawkins, D.T. 2000. Electronic books: a major publishing revolution. *Online*, 24 (4): 14-28.
- Henke, H. 2001. *Electronic books and Epublishing: a practical guide for authors*. London: Springer.
- HighWirePress. 2009. Librarian ebook survey and analysis. Diperoleh dari, <http://highwire.stanford.edu/PR/HighWireEBookSurvey2010.pdf>
- Hoss, M. H. 2010. Strategic implications of the digitalization of publishing popular fiction in the 21st century: introducing the OCTOPUS theory. M.A. Thesis, Faculty of the USC Graduate School, University of Southern California.
- Huang, Hsin-chou. (2012). E-reading and e-discussion: EFL learners' perceptions of an e-book reading program. *Computer Assisted Language Learning* 26 (3): 258-281.
- JISC. 2009. JISC national e-books observatory project: key findings and recommendations. JISC. Diperoleh dari, issuu.com/carenmilloy/docs/jisc_national_e-books_observatory_

final_report?mode=embed&viewMode=presentation&layout=http%3A%2F%2Fskin.issuu.com%2Fv%2Flight%2Flayout.xml&showFlipBtn=true

- Jung, J. et al. 2012. Factor affecting e-book reader awareness, interest and intention to use. *New Media and Society*. 14 (1): 204-224.
- Just, P. 2007. Electronic Books in the USA - their numbers and development and a comparison to Germany. *Library Hi Tech*. 25 (1): 157-164.
- Kresh, D. 2007. *The whole digital library handbook*. AS: ALA Editions.
- Lam, P. et al. 2009. Usability and usefulness of ebook on PPCs: how students' opinions vary over time. *Australian Journal of Educational Technology*, 25 (1): 30-44. Diperoleh dari, <http://www.ascilite.org.au/ajet/ajet25/lam.pdf>.
- Langston, M. 2003. The California State University e-book pilot project: implications for cooperative collection development. *Library Collections, Acquisitions, and Technical Services*, 27 (1): 19-32.
- Levine-Clark, M. 2007. Electronic books and the humanities: a survey at the University of Denver. *Collection Building*, 26 (1): 7 - 14.
- Levine-Clark, M. 2006. Electronic book usage: a survey at the University of Denver. *Portal*, 6 (3): 285-299
- Littman, J & L. S. Connaway. 2004. Circulation analysis of print and e-books in an academic research library. *Library Resources & Technology Services*. 48 (4): 256-262.
- Lynch, C. 2001. The battle to define the future of the book in the digital world. *First Monday*. Jil. 6, Bil. 6. Diakses dari, firstmonday.org/htbin/cgiwrap/bin/ojs/index.php/fm/article/view/864/773
- Mazza, R. 2008. The integrated e-book - the convergence of ebook, companion web site and elearning. *BookOnline*. 30 Oktober.
- Mercieca, P. 2004. E-book acceptance: what will make users read on screen? VALA. Diperoleh dari, <http://www.vala.org.au/vala2004/2004pdfs/32Merci.PDF>
- Nariani, R. 2009. E-Books in the sciences: if we buy it will they use it? *Issues in Science & Technology Librarianship* No. 59. diperoleh dari <http://www.istl.org/09-fall/article3.html>
- Norshuhada Shiratudin, et al. 2003. E-book technology and its potential applications in distance education. *Journal of Digital Information*, 3 (4). Diperoleh dari, journals.tdl.org/jodi/index.php/jodi/article/viewArticle/90/89
- Norshuhada Shiratuddin & Shahizan Hassan. 2004. E-reading in organizations: users' satisfaction and preference. *Malaysian Management Journal*, 8 (2): 33-44.
- Noorhidawati Abdullah & F. Gibb. 2006. A survey of e-book awareness and usage amongst students in an academic library. Dlm. Proceedings of International Conference of Multidisciplinary Information Sciences and Technologies, Merida, Spain. 25-28 October.
- Noorhidawati Abdullah & F. Gibb. 2008. How students use e-books – reading or referring? *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 13 (2): 1-14.
- Oii, S. 2010. Prospek e-buku di kalangan pengguna. Dlm. Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia. Anjuran Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Malaysian Online E-Resources Consortium (MOLEC) di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. 20 - 21 Disember.
- Ormes, S. 2002. An e-book primer. UKOLN. Diperoleh dari www.ukoln.ac.uk/public/earl/issuepapers/ebook.htm

- Owen, H. 2012. What will the global e-book market look like by 2016? Paid Content. 12 Jun. Diakses dari, <http://paidcontent.org/2012/06/12/what-will-the-global-e-book-market-look-like-by-2016/v>
- Palowski, A. 2010. E-books in the public library. Dlm. S. Polanka, *No shelf required: e-book in libraries*, (h. 55-74). Chicago: American Library Association Editions.
- Pettenati, C. 2002. Electronic publishing at the end of 2001. Dlm. M. Barone et. al (eds.) *Proceedings of the 7th International Conference on Advanced Technology & Particle Physics*, (h. 525-233). London: World Scientific.
- Polanka, S. 2010. *No shelf required: e-book in libraries*. Chicago: American Library Association Editions
- Rao, Siriginidi Subba. 2003. Electronic books: a review and evaluation. *Library Hi Tech*, 21 (1): 85 - 93. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/07378830310467427> (Emerald Database)
- Rockinson-Szapkiw, A. J., D. Holder, R. S. Dunn. 2011. Motivating students to learn: is there a difference between traditional books and e-books. *Proceedings of Global Learn Asia Pacific*, h. 235-239.
- Roesnita Ismail & Zainab A.N. 2005. The pattern of e-book use amongst undergraduates in Malaysia: a case of to know is to use. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 10 (2): 1-23.
- Rojeski, M. (2012). Users perceptions of ebooks versus print books for class reserves in an academic library. *Reference Services Review* , 49 (20): 228-242.
- Rowlands, I. et al. 2007. What do faculty and students really think about e-books? *Aslib Proceedings*, 59 (6): 489 – 511.
- Shin, D.H. 2011. Understanding e-book users: uses and gratification expectancy model. *New Media & Society*. 13 (2): 260-278.
- Smith, S & A. P. Carlin. 2012. Use and perception of ebooks in the University of Ulster: a case study. *New Review of Academic Librarianship*, 18: 176-205.
- Snowhill, L. 2001. E-books and their future in academic libraries. *D-Lib Magazine*. 7 (7/8). Diperoleh dari, <http://www.dlib.org/dlib/july01/snowhill/07snowhill.html>.
- Tan Swee Leng & Shereen Khan. 2011. Copyright protection in Malaysia and the end users perspective in e-book. *International Journal of e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 1 (2): 121-125.
- Tonta, Y., U. Al, & I. Soydal. 2010. Analysis of e-book use: the case of Ebrary. Dlm 14th International Conference on Electronic Publishing, Helsinki (Finland), 16-18 June. pp.315-329
- Tomaiuolo, N. G. 2001. Deconstructing Questia: the usability of a subscription digital library. *Searcher* 9/7 (July): 33.
- Walton, E.W. 2007. Faculty and student perceptions of using e books in a small academic institution. ACRL Thirteenth National Conference Proceedings, Baltimore, MD. Chicago: American Library Association.
- Walton, L., & W. Reiner. 2013. Perception analysis of scholarly e-books in humanities at the collegiate level. ACLS Humanities E-Book White Paper No. 4. , 6 Mac. Diperoleh dari, <http://humanitiesebook.org/help/HEBWhitePaper4.pdf>.
- Weniger, S. & C. Loebbecke. 2010. 123 drivers of ebook use: an interdisciplinary research approach. Mediterranean Conference on Information Systems Proceedings. Diperoleh

dari, <http://www.mtm.uni-koeln.de/team-loebbecke-publications-conf-proceedings/Conf-140-2010-DriversOfeBookUse.pdf>.

Wischenbart, R. 2011. *The global ebook market 2011: current conditions & future projections*. O'Reilly Media, Inc.

Wu, Ming-der & Chen, Shih-chuan. 2011. Graduate students' usage of and attitudes towards e-books: experiences from Taiwan. *Program: Electronic Library and Information Systems*. 45 (3): 294 - 307.

Zickuhr, K et al. 2012. Libraries, patrons and e-books. Pew Internet. Diperoleh dari, libraries.pewinternet.org/2012/06/22/libraries-patrons-and-e-books/

Zhu Zho. 2010. E-book management model integration of telecom, radio and TV and Internet networks. Tesis Sarjana. Beijing Institute of Printing, China.